

Penentangan tidak munasabah, kata PM

Kerajaan juga ada perasaan

8 AUG 1985

KUALA LUMPUR, Rabu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyifatkan mereka yang menentang pertumbuhan bandar sebagai bersikap tidak munasabah kerana kerajaan tidak boleh mengekalkan segala-galanya untuk kepentingan nostalgia, kepuasan dan ke-selesaan segolongan kecil rakyat.

Katanya, pembangunan dan pertumbuhan bandar tidak semestinya menyebabkan pencemaran kerana kerajaan sentia-

sa mengambil berat soal kecantikan dan kebersihan.

Kerajaan, kata Perdana Menteri, bukan tidak mempunyai perasaan atau bertindak sewenang-wenangnya seperti yang dituduh oleh golongan pencinta alam.

"Kerajaan memandang berat keadaan alam sekitar dan mengekalkannya, sebagaimana kerajaan berusaha memastikan setiap orang berhak mendapat kekayaan yang mampu mereka miliki.

"Walaupun kerajaan mungkin sibuk dengan pembangunan

luar bandar dan berusaha menghapuskan kemiskinan, kita tidak mengabaikan pembangunan bandar," kata Datuk Seri Dr Mahathir di majlis makan malam tahunan anjuran Pertubuhan Arkitek Malaysia (Pam), di sini malam ini.

Katanya, pembangunan Kuala Lumpur mengambil kira soal alam sekitar dan Dewan Bandaraya sentiasa berusaha mengindahkan persekitarannya dengan tanaman bunga, pokok dan taman-taman.

"Masih banyak yang perlu dilakukan tetapi saya yakin kita telah berusaha menyelamatkan

Kuala Lumpur daripada menjadi bandar yang dipenuhi bangunan-bangunan tinggi sebagaimana yang berlaku di kota-kota terkenal hari ini," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan sedang mencari sebuah badan yang sesuai untuk mengkaji cara-cara mengurangkan kesan pembangunan yang pesat di bandar-bandar besar negara ini.

Dalam hal ini, beliau meminta tuan-tuan punya bangunan, arkitek dan pelukis pelan menumpukan perhatian serta membantu usaha menanam pokok dan

mengindahkan bandar.

Perdana Menteri juga menegur tuan tanah dan pemaju yang mahu memaksimumkan untung dengan membina bangunan-bangunan tinggi

Katanya, keghairahan tuan-tuan tanah dan pemaju mengaut keuntungan menyebabkan munculnya bangunan-bangunan tinggi sehingga tidak ada kawasan untuk mengindahkan bandar serta menyekat peluang pemilik tanah antara bangunan-bangunan itu untuk mendirikan bangunan mereka.